

Perdana Menteri luang masa lawat SG Academy

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin meluahkan masa melawat pusat peningkatan kemahiran dan latihan semula, SG Academy, di sini, semalam.

Perdana Menteri tiba pada jam 3.14 petang dengan diiringi Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, dan Pengasas SG Academy, P Ganes.

Beliau meluahkan masa hampir sejam melawat dan menyantuni pelatih di institusi berkenaan sebelum berangkat pulang.

Kursus ditawarkan SG Academy adalah sebahagian daripada program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diperkenalkan kerajaan bagi membantu rakyat terkesan akibat pandemik COVID-19.

Setakat 31 Disember lalu, seramai 160,554 individu yang menyertai program melalui insentif pengambilan pekerja dan bantuan latihan bawah PENJANA, berjaya mendapatkan semula pekerjaan.

Menerusi inisiatif itu, kerajaan sudah membelanjakan lebih RM126 juta dalam bentuk bantuan latihan semula dan peningkatan kemahiran.

Antara industri dan sektor yang giat mengambil pekerja ialah bidang pembuatan serta peruncitan.

Bekas jurulatih penerbangan, Raveendran Subramaniam, 69, berkata program ditawarkan bawah PENJANA dapat membantu rakyat yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Beliau kini berkhidmat sebagai pakar teknologi dron di SG Academy selepas menyertai latihan di institusi berkenaan.

“Saya antara yang dibuang kerja selepas 20 tahun berkhidmat sebagai jurulatih penerbangan.

“Selepas menyertai program PENJANA menerusi insentif pengambilan pekerja dan bantuan latihan, saya berjaya mendapat pekerjaan semula,” katanya.



Muhyiddin dan M Saravanan beramah mesra bersama pelatih ketika melakukan lawatan ke Pusat peningkatan kemahiran dan latihan semula di SG Academy, semalam. Turut hadir P Ganes. (Foto Mohamad shahril Badri saali /BH)